

## Cerita-cerita Dari Persuratan Arab

### Petah Kata-katanya

Pada suatu hari, Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* menerima kedatangan dua rombongan kaum Arab dari daerah pedalaman. Rombongan yang pertama diketuai oleh al-Zabarqān bin Badr dan yang kedua diketuai oleh ‘Amrū bin al-Ahtam.

Dalam masa mengadap Nabi, al-Zabarqān pun mengenalkan dirinya dengan berkata: “Ya Rasulullah, saya ialah ketua kaum Banī Tamīm, yang ditaati, yang menuntut hak mereka, dan yang membela mereka daripada kezaliman. Rakan saya ini (maksudnya ‘Amrū) sedia mengetahui akan yang demikian.”

‘Amrū pula berkata: “Benar ya Rasulullah, Al-Zabarqān seorang yang sentiasa mempertahankan apa yang ada dalam kekuasaannya, yang ditaati oleh kaumnya, dan petah pula kata-katanya.”

Al-Zabarqān tidak puas hati dengan kata-kata ‘Amrū itu lalu berkata: “Sesungguhnya ‘Amrū mengetahui lebih daripada apa yang dikatakannya itu, tetapi dia hasad dengki akan kemuliaan dan kelebihan saya.”

Marahlah ‘Amrū mendengarnya lalu berkata: “Al-Zabarqān telah mengatakan apa yang ia telah katakan. Demi Allah, saya kenal baik-baik akan dia. Ia seorang yang bakhil, kurang maruah, bapa saudaranya dari sebelah ibu: jahat, dan ia baharu sahaja menjadi seorang hartawan.”

Melihat wajah Rasulullah berkerut mendengarkan kata-katanya yang bertentangan dengan puji-pujiannya tadi, maka ‘Amrū berkata lagi :

“Ya Rasulullah, saya tadi reda dan suka

lalu saya katakan sebaik-baik apa yang saya ketahui,

kemudian saya marah lalu saya katakan seburuk-buruk

apa yang saya ketahui. Saya pula tidak berdusta

dalam perkara yang pertama, dan sesungguhnya benar apa yang

saya katakan dalam perkara yang kedua!”

Mendengarkan itu Rasulullah bersabda :

“*Inna min al-bayāni lasihrā.*”

“Sesungguhnya setengah daripada kata-kata yang petah dan jelas nyata itu adalah menjadi ibarat sihir (yang menawan hati).”



**Empat sahabat pembaca Qalam dari Pontian – Johor, bergambar untuk kenangan. Duduk dari kanan saudara-saudara: Badruddin Kasan dan Panut Haji Muhammad Anuar. Manakala yang berdiri dari kanan, saudara-saudara: Jazuli Sarlan dan Mehran Jalal.**